



*Sila nyatakan rujukan bilangan kami
apabila menjawab.*

Ruj. Kami : SUKJ.BPSM. 12/2 Jilid 13 (27)
Tarikh : 12 Januari 2021
28 Jamadilawal 1442H

Semua Jabatan Negeri
Semua Jabatan Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan
Semua Badan Berkanun Negeri / Syarikat Berkaitan Kerajaan Johor

YB Dato' / Tuan / Puan,

**SURAT EDARAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
SEMASA PENULARAN WABAK COVID – 19 DI MALAYSIA BAGI PEGAWAI
DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM (PKP 13-26 JANUARI 2021)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia ruj: JPA.100-1/4/2(15) bertarikh 12 Januari 2021 mengenai perkara di atas.

2. Lanjutan daripada perutusan YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021 berkenaan dengan perintah kawalan pergerakan mulai pada 13 hingga 26 Januari 2021, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan tiga (3) kategori pelaksanaan iaitu:

- 2.1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) melibatkan enam (6) negeri iaitu Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Johor, Sabah dan Melaka.
- 2.2 Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) melibatkan enam (6) negeri iaitu Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan; dan
- 2.3 Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan melibatkan dua (2) negeri iaitu Perlis dan Sarawak

3. Oleh yang demikian, sepanjang tempoh ini semua perkhidmatan awam di Negeri Johor akan beroperasi dengan kehadiran kakitangan sebagaimana **Jadual 1** di bawah. Ketua Jabatan hendaklah memastikan sistem penggiliran dan bekerja dari rumah (BDR) selaras dengan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2020: Dasar Bekerja Dari Rumah (PP 5/2020)**. Ketua Jabatan hendaklah menentukan kehadiran pegawai dan mengeluarkan surat kepada anggota yang dikehendaki hadir bertugas di pejabat secara penggiliran.

Jadual 1 : Kehadiran Bertugas Pegawai Perkhidmatan Awam

BIL	PERKHIDMATAN	KEHADIRAN ANGGOTA
1.	Perkhidmatan perlu (<i>essential services</i>)	100%
2.	Perkhidmatan lain	Maksimum 30%

4. Rujukan untuk senarai perkhidmatan perlu (*essential services*) dan perkhidmatan lain boleh dicapai melalui pautan <http://bit.do/pmo2021> bagi mengenalpasti Perkhidmatan Perlu dan Bukan Keperluan Utama.

5. Sehubungan dengan itu, Ketua Jabatan dikehendaki memastikan pematuhan kepada semua peraturan, garis panduan dan surat edaran yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa sebagai langkah pencegahan wabak Covid-19.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”



(DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI)
Setiausaha Kerajaan
Johor.